

THE TITAN

richworks.com/thetitan

Industry View

5 CARA USAHAWAN
TUNJUKKAN
PENGHARGAAN PADA STAF

RICHWORKS®

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

16 JULAI 2023 | BIL: 51
www.richworks.com

**DR. KAUTHAR
ISMAL**
7 BULAN CAPAI SASARAN



DOKTOR PERUBATAN BINA EMPAYAR BISNES

**SIAPA SANGKA, BISNES
PERKHIDMATAN SPA PERUBATAN
DAN ESTETIK YANG DIJALANKAN
SEJAK 2017 MAMPU BERUBAH
DAN MAKIN BERKEMBANG DARI
SEMASA KE SEMASA.**

Prestige Medispa di bawah Drkay Aesthetics Sdn. Bhd. mempunyai tiga cawangan yang terletak di Johor Bahru (JB), Ampang dan Gombak.

Namun begitu, perjalanan bagi membina bisnes ini bukanlah mudah. Banyak cabaran dan dugaan perlu ditempuh untuk pastikan dapat mencapai matlamatnya.

Pengasasnya, Dr. Kauthar Ismail berkata, menjalankan bisnes tersebut bukannya mudah, prestasi turun naik apatah lagi cabaran ketika mengharungi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilalui pada 2020.

“Bayangkan bisnes terpaksa tutup dua tahun, namun kami tukar bisnes *nature* dengan 100 peratus *online*.

“Saya perbanyakkan perkongsian di media sosial dan menjual produk untuk terus *survive*,” ceritanya kepada Team RichWorks baru-baru ini.

Dr. Kauthar dahulunya merupakan doktor perubatan yang berkhidmat di hospital kerajaan

dari 2013 hingga 2018 sebelum meletak jawatan dan berkhidmat di sektor swasta serta menjadi usahawan sepenuh masa pada Julai 2018.

BISNES DULU BERBANDING SEKARANG

“Dulu bisnes boleh dikatakan hanya untuk *survive* dan adalah dapat keuntungan sikit-sikit,” jelas Dr. Kauthar.

Antara cabaran sering dihadapi ketika itu bila ahli pasukan lari dari ‘landasan’ yang ditetapkan.

Selain itu, berdepan cabaran staf keluar masuk bila tidak *align* dan kurang kemahiran kepimpinan berbanding sekarang ini.

Semua itu mula berubah dan berlaku transformasi bila beliau mula belajar dan mendapatkan bimbingan secara serius di dalam pementoran SPIRE bermula Mac 2022.

“Bagi saya ilmu paling power yang diperoleh dalam SPIRE adalah mengenai *Objective Key Results* (OKR) yang sudah mula diguna pakai dalam bisnes.

“OKR ini membuatkan pasukan lebih *align* di mana setiap minggu kita akan menilai semula setiap strategi di samping memantapkan carta organisasi dengan meletakkan orang yang betul, dengan kekuatan yang betul di tempat yang betul,” jelasnya.

Dulu Dr. Kauthar ingat hanya dia saja boleh ‘take



'charge' dan pastikan semua kerja berjalan, tapi itu hanya pandangannya sendiri.

"Ingat semua saya boleh buat, memang boleh tapi akan hilang fokus kemudian penat dan mulalah emosi yang menyebabkan susah nak buat keputusan yang terbaik."

"Saya turut lantik dan latih mereka yang betul sebagai ketua dan pengurus dalam pengoperasian syarikat," tambah beliau.

TAK PEDULI CAKAP ORANG LAIN

"Dulu saya sebenarnya skeptikal walaupun pernah serta program Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK) anjuran RichWorks lama dahulu.

"Namun bila mengikuti perkembangan dan

melihat sendiri program yang ditawarkan oleh RichWorks, ia sangat bagus dan buatkan saya nak ikuti bimbingan secara lebih dekat," ujarnya.

Keluarga terdekat juga ada skeptikal dan persoalkan mengapa beliau perlu pergi belajar bersama RichWorks, sedangkan boleh saja buat sendiri untuk 'berjaya'.

"Saya tak peduli cakap orang lain, jalan terus.

"Perubahan positif yang dialami buatkan mereka yang 'bersuara nakal' itu tutup mulut, bila mereka lihat perkembangan demi perkembangan," jelasnya yang juga bawa ahli keluarga yang berbisnes untuk serta SPIRE.

RM1 JUTA PERTAMA

"Sebelum dibimbing dalam SPIRE, cawangan JB

yang ditumpukan dalam SPIRE hanya dapat buat jualan sekitar RM60,000 sebulan.

"Alhamdulillah dalam dua bulan, jualan sudah pun mencecah RM100,000 sebulan bagi cawangan JB dan RM1 juta pertama dalam tempoh tujuh bulan saja," luahnya tanpa melibatkan jualan cawangan lain di Ampang dan Gombak.

Kejayaan itu bukannya disebabkan beliau sendiri, sebaliknya pasukan yang berkeupayaan dengan sistem sokongan betul.

Semua itu berlaku bila adanya ilmu daripada program-program RichWorks yang banyak membantu pasukannya termasuk pemimpin-pemimpin.

Misi dan visi syarikat juga difahami pasukannya yang kini sudah pun mencecah 25 orang berbanding 15 orang sebelum itu.

"Misi saya dalam tempoh lima tahun mahu setiap daerah di Johor Bahru ada satu cawangan Prestige Medispa di samping menumpukan pada Lembah Klang juga.

"Insya-Allah, visi saya untuk bawa bisnes ini bukan hanya di tahap sekarang malah mahukan syarikat tersenarai dalam bursa dalam tempoh tujuh ke sepuluh tahun lagi," kongsi Dr. Kauthar.

PENCAPAIAN

Dari segi pasukan, Dr. Kauthar sudah boleh duplikasi dirinya sendiri. Maksud di sini, dulu

semua kerja beliau buat sebab tak percaya dengan kemampuan staf berbanding kini mampu delegasikan tugas.

"Jadi saya sudah boleh fokus kepada perkara lebih besar dan susun syarikat ke arah misi dan visi yang nak dicapai," ujarnya.

Selain itu, pencapaian yang dirasainya bila mana melihat banyak ahli pasukan yang menyaksikan perkembangan dalam hidup mereka.

Daripada tiada apa-apa, sudah boleh bantu keluarga, kemudian beli kenderaan hingga ada yang sudah mampu beli rumah sendiri.

Perasaan ini tak tahu nak cakap macam mana, sangat 'best' bagi Dr. Kauthar.

Dalam pada itu Dr. Kauthar memberitahu, antara wins besar beliau bila mana dapat membeli rumah kedai pertamanya pada tahun lalu.

"Rumah kedai ini sedang diubah suai yang mana bakal dijadikan klinik keluarga dan kesejahteraan wanita terletak di Johor.

"Pada tahun lalu, Prestige Medispa JB juga diperluaskan dengan mempunyai tingkat dua yang mempunyai lebih banyak ruang untuk rawatan.

"Syukur, saya juga dapat membeli rumah dan kereta hasil bisnes yang semakin berkembang ini," ujarnya yang akan melancarkan 'stock-keeping unit' (SKU) baharu pada 2023.





3

NASIHAT



PERTAMA, DAPATKAN MENTOR YANG PROVEN SUCCESS.

"Banyak saja mentor dan sifu di luar sana. Namun bagi saya, carilah yang ada bukti *results*. Mentor yang *proven success* dapat menunjukkan anda jalan untuk mencapai matlamat dan impian masing-masing.

"Perbetulkan mana yang tersasar dengan bantuan mentor, untuk bantu kita dalam membuat keputusan yang lebih baik," ujarnya,

Mentor dapat menunjukkan jalan umpama aplikasi Waze yang dapat beri panduan mengikut jalan yang mana agar sampai ke destinasi mengikut masa yang dianggarkan.

KEDUA, PERLU FOKUS.

"Pentingnya fokus dalam bisnes ini. Tanpa fokus, usahawan akan mudah terganggu dengan bermacam-macam perkara.

Konsisten dan cekal dengan sasaran membuatkan kita tidak mudah tergelincir dari landasan yang sudah ditetapkan" katanya.

Bagaimanapun, perubahan juga perlu dilakukan mengikut situasi dan keadaan semasa. Umpama ketika PKP sebelum ini. Suka atau tidak, bisnes perlu berubah demi kelangsungan hidup.

KETIGA, TAWAKAL KEPADA YANG MAHA ESA.

Apa saja yang kita lakukan dan usaha tidak boleh lari daripada Allah SWT.

Sebagai manusia, kita hanya merancang dan Allah SWT sebaik-baik perancang.

Justeru itu, apapun yang kita usahakan, perlulah kembali kepada-Nya. Perbanyak doa dan lakukan apa yang telah pun diperintahkan.

5 CARA USAHAWAN TUNJUKKAN PENGHARGAAN PADA STAF

Apabila seorang usahawan ingin mengembangkan perniagaan, sudah pasti perlu menggajikan pekerja. Usahawan tak boleh berjaya seorang diri, tetapi memerlukan team yang bergerak bersama untuk mencapai matlamat yang sama.

Setiap seorang staf yang digajikan mempunyai peranan mereka yang tersendiri, jika tidak masakan kita membuat keputusan untuk menggajikan mereka.

Lumrah pekerja datang dan pergi, ada yang bagus ada yang tidak. Yang bagus kita raikan yang tidak kita usahakan untuk dia menjadi bagus agar kejayaan mereka juga dapat diraikan.

Tak salah untuk meraikan staf. Ini akan membuatkan mereka rasa dihargai setelah setelah berhempas-pulas berusaha untuk syarikat dan mereka akan termotivasi untuk lebih produktif.

Menghargai pekerja juga boleh mengurangkan risiko pekerja berhenti kerja. Kenapa nak tinggalkan syarikat yang menghargai mereka sedangkan susah untuk dapat budaya kerja begitu di luar sana?

Seorang pemimpin yang hebat selalu dihargai kerana mereka sering menghargai staf. *Give and take*. Anda nak dapat yang terbaik, anda perlu menjadi yang terbaik terlebih dahulu.

Luangkan sedikit masa untuk belajar tentang cara menunjukkan penghargaan kepada pekerja dengan berkesan untuk manfaat bersama di tempat kerja. Berikut ialah 5 idea untuk menunjukkan penghargaan kepada pekerja.

5 CARA USAHAWAN TUNJUKKAN PENGHARGAAN PADA STAF

1 GUNAKAN MEDIA SOSIAL

Kita hidup di dalam era dunia digital di mana media sosial menjadi salah-satu platform untuk membuat hebahan tentang perkembangan semasa diri sendiri mahupun keadaan sekeliling.

Tak ada salahnya jika anda mengumumkan pencapaian pekerja anda di media sosial. Mereka akan nampak penghargaan yang anda berikan kepada mereka.

2 SAMBUTAN HARI LAHIR

Tak perlu bawa ke restoran mewah untuk meraikan, ucapan dan nyanyian lagu selamat hari jadi sudah cukup membuatkan pekerja anda terasa dihargai.

Nak beri lebih lagi, anda boleh fikirkan untuk beri hadiah yang mereka suka. Atau mungkin berikan mereka cuti tambahan pada hari ulang tahun kelahiran mereka.

3 BERI PELUANG HADIRI KURSUS DAN LATIHAN

Pekerja yang mampu memberikan hasil kerja yang baik adalah pekerja harapan dan penting berada dalam syarikat untuk capai matlamat bersama.

Apa salahnya hantar mereka untuk menghadiri kursus dan latihan untuk melatih diri menjadi lebih baik. Kalau mendatangkan kebaikan, tak salah melaburkan sedikit wang untuk perkembangan profesional mereka.

4 HADIAH TANDA PENGHARGAAN

Kalau boleh beri hari ini, kenapa nak tunggu hari jadi? Hadiah boleh diberi pada bila-bila masa untuk menunjukkan penghargaan majikan terhadap pencapaian pekerja. Mereka pasti akan gembira dan bersemangat untuk berusaha buat lebih lagi.

5 AMBIL BERAT

Menunjukkan penghargaan kepada pekerja adalah tentang membina rasa berterima kasih dan mencipta hubungan baik antara majikan dan pekerja. Ikhlaskan diri untuk mengambil berat tentang pekerja anda dan perkara yang mereka mahukan.

Tak semestinya semua anda kena tunaikan, perlu lihat juga kemampuan dan tahap kewangan syarikat. Aturkan pertemuan dengan pekerja untuk mendengar keperluan dan luahan mereka.

Nak tunjukkan penghargaan kepada staf tak susah. Yang penting anda ada usaha itu. Praktikkan di tempat kerja, anda akan dapat hasilkan hubungan antara majikan dan pekerja yang lebih baik.



EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA


DALAM

Klinik Usahawan SIRI **BINA BISNES** **BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!

+
Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga **RM497**
www.binabisnesberjaya.com


100% PERCUMA
DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: richworks.com/satujutapertama

10X BINA BISNES BERJAYA 2023

2-3 SEPTEMBER 2023

DATUK WIR A
DR. AZIZAN OSMAN



DAFTAR SEKARANG
binabisnesberjaya.com
Rebut Tempat Duduk Anda Sekarang!

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.